

17 DEC 1997

DR MAHATHIR DAN DR SITI HASMAH TONTON TEATER "TAMAN BAGINDA"

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meluangkan masa untuk menonton pementasan teater muzikal kanak-kanak "Taman Baginda" di Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC) di sini.

Beliau diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anak-anak mereka Mazhar dan Maizura serta cucu mereka, Ineza.

Pementasan teater yang memperlihatkan kewibawaan 48 pelakon kanak-kanak Kumpulan Tunas Budaya itu diterbitkan Pak Ngah Production. Ia dianjurkan oleh Utusan Malaysia dan New Straits Times serta ditaja oleh Nexus Golf Resort Karambunai dan Kertam Holdings Berhad.

Selepas menyaksikan teater itu, Dr Mahathir berkata ia merupakan sebuah pementasan yang sangat baik.

Dr Mahathir berkata ia amat menghiburkan dan menunjukkan kemajuan daripada setiap aspek pementasan teater berbanding dahulu.

"Dialog baik, muzik lagi baik, set dan pengarahannya maju dan semakin baik. Saya berasa puas hati dan sangat gembira," katanya.

Taman Baginda memaparkan kisah tiga zaman iaitu zaman silam, realiti dunia sekarang dan dunia masa hadapan pada tahun 2050 berhubung penggunaan komputer dan teknologi maklumat.

Pementasan teater itu bermula sejak 12 Dis lepas bertujuan memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak mengenai dunia teknologi maklumat dan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan Dr Mahathir dan selaras dengan saranan kerajaan menggalakkan masyarakat Malaysia mencintai teknologi maklumat.

Yang turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu Tan Sri Kamarul Ariffin dan Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd Datuk A. Kadir Jasin. -- BERNAMA

HS PR